

"BETA ingin mengingatkan, bahawa pendekatan kepada kemajuan bukan dibuat berdasarkan apa yang individu mahu, tetapi hendaklah mengambil kira apa yang negara anggap perlu, sama ada kita suka ataupun tidak, kepentingan negara adalah tetap utama."

- Titah Sempena Hari Guru Yang Ke-16 pada 28 Syaaban 1427 / 21 September 2006



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN mereka yang apabila membelanjakan harta mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Furqaan ayat 67.

TAHUN 57 / BILANGAN 155

26 DISEMBER 2012 / 1434 ١٢ صفر

EDISI RABU / PERCUMA

Bonus penjawat awam dikeluarkan esok

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Disember. - Para penjawat awam di negara ini akan menerima bonus berserta gaji bulanan esok.

Pemberian bonus merupakan terima kasih dan penghargaan kerajaan kepada warga Perkhidmatan Awam yang sentiasa menyumbangkan bakti serta usaha mereka selama ini yang bertungkus lumus dalam apa jua pekerjaan, di samping memberikan galakan supaya lebih berusaha lagi dalam mempertingkatkan mutu kerja dengan memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Bonus tahunan kebiasaannya dibayar pada akhir bulan Januari setiap tahun telah pun diubah pembayarannya sebulan lebih awal iaitu pada akhir bulan Disember setiap tahun.

Perubahan pembayaran bonus yang juga diseluruhkan dengan gaji bulanan tersebut telah pun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Keputeraan baginda yang ke-61 tahun pada hari Ahad, 30 Jamadilakhir 1428 / 15 Julai 2007 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kadar pembayaran bonus kepada penjawat awam akan dibuat mengikut kadar peratus daripada pembayaran yang ditetapkan dalam perenggan 6.5 pada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 14/1984 bertarikh 4 Julai 1984 iaitu menurut kategori penilaian prestasi keseluruhan yang selaras dengan yang tercatat dalam borang penilaian prestasi pegawai dan kakitangan.

Namun, bonus bukan sekadar wang yang diterima tetapi dari sudut motivasi kerja, bonus adalah rangsangan para penjawat awam untuk terus menikmati keinginan bekerja.

Pemberian bonus juga akan membolehkan ibu bapa membuat persediaan yang bersesuaian bagi musim persekolahan yang baru bagi anak-anak mereka pada awal tahun.

Seperti kelaziman, pemberian bonus, setentunya mesin-mesin ATM di kesemua lokasi akan menjadi tumpuan yang menyebabkan kesesakan jalan raya dan pusat membeli-belah.

Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menjelaskan dalam Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 6 Mac lalu, pemberian bonus ini walaupun meliputi semua peringkat namun ianya lebih ditumpukan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah yang mana Bahagian III dan ke bawah diberikan sebanyak 1.5 bulan gaji. Bonus ini merupakan tambahan pendapatan kira-kira 12.5 peratus sebulan bagi bahagian tersebut. Untuk menampung bonus ini kerajaan telah menyediakan kira-kira BND135.5 juta setiap tahun.

Sehubungan dengan itu, bonus yang dikurniakan ini akan dimanfaatkan dengan pelbagai guna oleh orang awam yang menerimanya lebih-lebih lagi keperluan yang begitu penting.

Sambutan Hari Polis Ke-92 pada Januari 2013



TIMBALAN Pengerusi Sambutan Hari Polis Ke-92, ACP Haji Mohd. Don bin Haji Harith (kanan) menyerahkan Poster Sambutan Hari Polis Ke-92 kepada tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam CP Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

MUARA, Isnin, 24 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) akan menyambut Ulang Tahun Ke-92 Penubuhannya pada Januari 2013.

Bagi membarigakan sambutan itu, Majlis Pelancaran dan Penyerahan Poster berlangsung di Lobi Bangunan Tembak PDB, Jalan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam CP Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti penyerahan poster kepada pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua formasi dan unit oleh tetamu kehormat.

Seperti tahun-tahun yang lalu, pelancaran poster adalah salah satu acara menandakan Sambutan Hari Polis dan kemuncaknya acara Perbarisan Kawalan Kehormatan.

Hadir sama ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Bahrain bin Mohd. Noor, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua unit dan formasi, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai polis serta ahli pangkat rendah.

Sistem Bru-HIMS Hospital Suri Seri Begawan bermula 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Disember. - Dalam hasrat Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai di hospital-hospital, sistem rekod elektronik pesakit iaitu Sistem Maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) akan mula digunakan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait pada awal tahun 2013.

Ini adalah sebagai pelaksanaan fasa kedua Projek Bru-HIMS yang mana fasa pertama telah dilaksanakan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Tutong sejak bulan Julai 2012.

Bru-HIMS merupakan satu sistem yang mengintegrasikan pelbagai sistem pengurusan maklumat pesakit di perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Ke muka 24

Perkhidmatan Awam mekanisme kemajuan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarkatuh

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai kerana dengan taufiq dan inayah-Nya jua, kita dapat hadir pada petang ini bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tahun 2012 ini.

Tahun 2012 adalah merupakan tahun ke-19 di mana Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam diraikan dalam sebuah majlis sambutan besar peringkat negara yang diisikan dengan pelbagai program-program Perkhidmatan Awam dan juga Penyampaian Sijil-Sijil Bersara kepada Pegawai dan Kakitangan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejauh ini sebanyak tiga anugerah telah diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam di negara ini iaitu Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA), Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).

Apa yang dimaklumkan kepada saya bahawa pengisian acara di majlis kita pada petang ini serupa dengan yang diadakan di peringkat negara iaitu dengan pemberian cenderahati kepada peserta Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, peserta Kumpulan Kerja Cemerlang dan penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan juga penyampaian sijil-sijil perkhidmatan kepada pegawai yang bersara dari Perkhidmatan Awam.

Melihat kepada tema sambutan kita pada tahun ini iaitu 'Pembangunan Perkhidmatan Awam Asas Kecemerlangan Produktiviti' terangnya adalah tepat sekali kerana bidang Perkhidmatan Awam itu adalah merupakan mekanisme atau tenaga penggerak yang kuat untuk memajukan negara dalam segala lapangan dan membawa hasil yang lumayan. Jika jentera ini lemah, pastinya produktiviti akan menurun yang akibatnya negara kita akan tertinggal di belakang.

Mengukur produktiviti kerja misalnya sama ada cemerlang atau tidak adalah suatu perkara yang penting bagi seorang pegawai Perkhidmatan Awam. Ini sangat dituntut dalam Islam, yang sangat bersesuaian dengan saranan Rasulullah dalam sabda Baginda yang bermaksud:

"Barang siapa yang hari ini lebih baik dari semalam, maka dia adalah dari kalangan mereka yang beruntung. Barang siapa yang hari ini sama seperti semalam, maka dia dari kalangan orang yang beruntung. Barang siapa yang hari sama seperti semalam, maka dia dari kalangan orang yang rugi. Barang siapa yang hari ini dia lebih

teruk dari semalam, maka dia termasuk dalam kalangan orang yang celaka." - (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dengan bermuhasabah diri ini sejurnya, kita dapat menilai setiap kerja atau setiap usaha yang telah kita lakukan, apakah ianya mencapai matlamat, menghampiri matlamat atau sebaliknya jauh dari matlamat yang kita tetapkan.

Dalam memastikan produktiviti kerja agar dapat dihasilkan dengan baik, ada dua kuncinya yang utama, pertama ialah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang kerja yang kita ceburi, jangan sekali-kali berdiam diri, kerana dengan berdiam diri itu tidak akan mendatangkan apa-apa perubahan kepada diri kita, sebaiknya bergeraklah dan cari ilmu pengetahuan dan kepandaian dalam bidang kerjaya yang kita ceburi.

Islam telah menyatakan bahawa penguasaan ilmu adalah merupakan elemen penting bagi peningkatan darjah seseorang dalam kehidupan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alai, maksud-Nya :

"Allah meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan di kalangan kamu dengan beberapa darjah." - (Surah Al Mujaadilah, ayat 11).

Termasuk dalam erti kata memperolehi ilmu itu ialah mengikut latihan-latihan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam kerja-kerja kita. Dengan adanya latihan itu akan menjadikan kita lebih kreatif, responsif dan inovatif dalam membuat pembaikan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Kunci kejayaan yang kedua ialah cekal hati dalam menghadapi setiap cabaran. Dalam melaksanakan kerja-kerja kita, lazimnya kita akan berhadapan dengan dua keadaan. Satunya, kita diberikan tugas yang senang, mudah dan suka kita lakukan dan yang satu lagi ialah tugas yang agak susah, payah bahkan kadang-kadang memerlukan kita bergerak ke sana sini, mencari fakta, membuat penyelidikan dan seumpamanya. Dalam situasi yang keduanya ini, kita perlu menerimanya dengan lapang dada, jangan mengeluh dan putus asa, tetapi berusaha dengan gigih untuk mengatasi segala rintangan tersebut, insya-Allah berkat ketabahan dan kecekalan kita itu, aka noda jalan keluar sebagaimana yang telah dijanjikan-Nya dalam firman-Nya, maksud-Nya:

"Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, maka Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dari kesusahan tersebut dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah, cukuplah hanya Dia tempat bergantung, sesungguhnya Allah itu sangat bijaksana, yang menentukan sesuatu itu pada tempatnya." - (Surah Ath Thalaaq, ayat 2 - 3).

Di sini kita perlu yakin bahawa kedua-dua



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam dan Meraikan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Bersara Bagi Tahun 2010 - 2012 pada hari Khamis, 23 Zulhijjah 1433 Masihi bersamaan 8 November 2012 Hijriah.

kunci yang saya sebutkan tadi iaitu ilmu pengetahuan dan kecekalan akan menumbuhkan semangat kental diri. Saya percaya kedua-dua kunci ini akan menjadi satu motivasi dalaman yang luar biasa dalam diri seseorang pegawai atau pekerja.

Sebagaimana yang kita maklumi bahawa masyarakat Brunei penuh dengan ekspektasi atau harapan yang tinggi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kita. Oleh itu saya berseru kepada warga kementerian itu supaya bersedia untuk memenuhi dan menangani kepelbagaiannya ekspektasi tersebut. Ini sesuai dengan nama Perkhidmatan Awam itu sendiri yang kita ceburi. Bila kita menerima bidang ini, erti kita bersedia untuk berkhidmat kepada orang ramai, bersedia untuk membantu dan menolong mereka, mereka itu pula mempunyai tahap pemikiran dan karenah yang berbeza-beza. Di sinilah kita perlu banyak bersabar, bahkan perlu banyak senyum dan bermanis muka dengan niat yang ikhlas menolong kerana Allah jua. Hindarkan sifat-sifat negatif seperti merungut, mencemuh, mengejek dan sebagainya kerana sifat-sifat sedemikian tidak wujud dalam etika atau atau dalam kamus Perkhidmatan Awam.

Dalam pada itu, saya juga sukacita menyeru kepada ketua-ketua jabatan, Pusat Bahagian Unit dan Pejabat di bawah kementerian ini untuk bergerak aktif semula untuk menyertai Konvensyen Kerja Cemerlang, Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam dan Perolehan Akreditasi Persijilan (ISO). Kerana saya melihat KKC, ACPA dan ISO mampu membawa kita bergerak cepat dengan produktif.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat bersara kepada yang menamatkan perkhidmatan di kementerian ini. Kementerian sangat terhutang budi dan berterima kasih yang setinggi-tingginya kepada abiskita yang telah menyumbangkan tenaga, buah pikiran dan khidmat bakti kepada kementerian ini. Hanya Allah Subhanahu Wata'alai jua yang akan membalaskan jasa baik abiskita itu.

Dari Sidang Pengarang.

26 DISEMBER 2012 BERSAMAAN 1434 12 صفر

BIJAK BERBELANJA KEWANGAN SELAMAT

RANCANG perbelanjaan secara teratur dan berjimat cermat. Sudah berulang kali nasihat dan saranan seperti ini dilau-laungkan untuk memberi peringatan kepada orang ramai supaya jangan berbelanja boros apatah lagi hujung bulan ini para pekerja yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam di negara ini akan menerima gaji dan bonus. Dan seperti yang dijangkakan para pekerja Perkhidmatan Awam akan berbelanja lebih daripada yang sepatutnya.

Memang berbelanja lebih kerana menerima gaji dan bonus serentak adalah hak masing-masing tetapi apa yang membimbangkan ialah apabila keseronokan membeli-belah menyebabkan akhirnya pengguna tidak dapat mengawal perbelanjaan bulanan yang kemudiannya terjerumus ke dalam beban hutang tanpa menyadarinya.

Seperti lazimnya, pasar raya atau kedai-kedai akan dipenuhi pengunjung yang akan membeli barang-barang keperluan sekolah anak-anak atau membeli barang yang sudah diidam-idamkan selama ini. Semua ini tidak menjadi kesalahan tetapi biarlah berpada-pada, berbelanja ikutlah kemampuan diri sendiri. Jangan berbelanja mengikut hati kerana dikehutari wang akan habis sebelum sampai ke penghujung bulan. Apa yang penting kitani perlu mendisiplinkan diri ketika berbelanja. Adalah lebih baik jika sebahagian gaji atau bonus yang diterima disimpan untuk kegunaan masa depan terutama sekali untuk pendidikan anak-anak atau untuk kegunaan jangka masa panjang seperti membina rumah.

Kitani perlu menyedari akibat berbelanja melebihi kemampuan kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah tentang berjimat cermat sempena Tahun baru Masihi 2012: "Di samping itu, jangan pula lupa, turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran ialah amalan 'berjimat cermat'. Sikap berhemat dalam berbelanja, sama ada pada peringkat kerajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tonggak 'survival' ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar di luar kemampuan adalah satu tragedi pahit." Kebijaksanaan kitani dalam membelanjakan wang perlu terancang agar tidak membazir. Sikap seperti inilah yang perlu kitani praktikan supaya terjamin masa hadapan tanpa beban kewangan.

Kitani juga dinasihatkan untuk berwaspada dalam mengendalikan wang. Apa yang sangat dikesali ialah ada sebahagian orang yang 'tamak' dan ingin cepat kaya masuk ke skim cepat kaya tanpa memikirkan akibatnya. Wang yang ada ditangan digunakan untuk melabur sedangkan kitani belum pasti pelaburan tersebut. Akibatnya wang lesap, pelaburan tiada, hutang bertambah!

Berbelanja sesuka hati dengan membeli barang yang tidak perlu perlu kitani hindarkan. Berjimat cermat untuk kelangsungan hidup perlu diamalkan supaya perancangan kewangan akan berjalan lancar dan kehidupan akan lebih terjamin. - **Pengarang.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarall,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanishah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali,
Majidah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan


Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdull

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Tinjau Ladang KPLB di Daerah Temburong

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

TEMBURONG. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada hari Sabtu, 15 Disember yang lalu meneruskan lawatan kerjanya dengan meninjau aktiviti-aktiviti di Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) di Daerah Temburong.

Rombongan Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) KPSSU, Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan) KPSSU, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus; Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, ketua-jabatan, pegawai-pegawai kanan KPSSU dan pegawai dan kakitangan

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat dan rombongan meninjau lebih dekat aktiviti-aktiviti dan kemajuan ladang yang dilaksanakan di kedua-dua buah Ladang KPLB iaitu Belais dan Seri Tanjong Belayang.

Ladang KPLB Belais yang mula diusahakan sejak tahun 1986 dengan kluasan 15.9 hektar itu dipengerusikan oleh Awang Haji Ahmad bin Md. Hussain, juga selaku Ketua Ladang.

Tanaman utama yang diusahakan di ladang ini termasuk buah-buahan, sayur-sayuran dan pelbagai tanaman yang lain yang dipasarkan melalui tamu, pasar dan persendirian.

Sementara Ladang KPLB Seri Tanjong Belayang yang diketuai oleh Awang Jainih bin Haji Tahir mula diusahakan sejak tahun 1992 dengan bilangan pengusaha seramai 57 orang.

Tanaman utama yang diusahakan di ladang tersebut ialah nenas, limau manis, cempedak, durian rambutan, ke-

lapa termasuk sayur-sayuran dan tanaman lainnya yang dipasarkan secara persendirian.

Sehingga tahun 2011, terdapat sebanyak 46 kawasan Ladang KPLB seluruh daerah dengan jumlah keluasan 1,768.98 hektar dengan keramaian 2,899 orang peserta.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 12 kawasan di Daerah Brunei dan Muara iaitu jumlah keluasan 423 hektar dengan keramaian 1,075 peserta, 26 kawasan di Daerah Tutong dengan jumlah keluasan 822.88 hektar serta keramaian 1,235 peserta, tiga kawasan di Daerah Belait dengan jumlah keluasan 317 hektar dan 392 peserta, manakala di daerah ini mencatatkan lima kawasan dengan jumlah keluasan 206.10 hektar dengan 197 peserta.

Tanaman buah-buahan adalah tanaman utama yang diusahakan bagi kawasan Ladang KPLB di seluruh negara, di samping tanaman sampingan yang boleh mengeluarkan hasil dengan cepat.

Antara jenis tanaman buah-buahan yang banyak diusahakan oleh peserta termasuklah durian, pisang, kelapa, cempedak, langsat, rambutan, tarap, mangga, nangka, kembayu, tampoi, duku/langsat, mata kucing, pulasan dan lain-lain.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika berada di sebuah Ladang Limau Manis KPLB .



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa bergambar ramai bersama rombongan.

Lawat Ternakan Udang Semaun, Padi Wasan

Oleh : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 20 Disember. - Dalam usaha untuk meneroka peluang-peluang kerjasama yang berpotensi untuk dilaksanakan bersama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam, rombongan Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Republik Sosialis Viet Nam telah mengadakan lawatan ke Ladang Ternakan Udang Semaun Aquaculture Sdn. Bhd. di Sungai Paku, Tutong dan Ladang Padi Wasan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Nguyen Thi Xuan Thu serta rombongan memulakan lawatan dengan melawat ke Ladang Ternakan Udang Semaun Aquaculture yang mana rombongan diberikan taklimat

ringkas mengenai operasi ladang berkenaan serta jenis ternakan udang yang terdapat di ladang berkenaan.

Turut serta dalam lawatan berkenaan

ialah Pemangku Setiausaha Tetap

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang

Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji

Mohd. Yunus; Duta Besar Republik

Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama

Pham Binh Man serta pegawai-

pegawai kanan dari KPSSU dan

Kedutaan Besar Republik Sosialis Viet

Nam di Negara Brunei Darussalam.

Puan Yang Terutama dan rombongan kemudian dibawa untuk melihat kolam-kolam ternakan udang dan diberikan taklimat serta penerangan yang disampaikan oleh Pengurus Besar Semaun Prim Sendirian Berhad,

Awang Haji Mohd. Usop bin Haji Abd. Razak Sidi.

Semasa lawatan berkenaan, PYT Nguyen Thi Xuan Thu berpeluang melihat dengan lebih dekat jenis udang yang diternak dan diberikan penerangan mengenai kaedah dan pasaran bagi udang-udang berkenaan.

Selepas lawatan di ladang ternakan udang berkenaan, PYT serta rombongan meneruskan lawatan ke Ladang Padi Wasan juga diberikan penerangan mengenai pelaksanaan projek

penanaman padi untuk mencapai hasrat negara ke arah meningkatkan penghasilan padi mencapai matlamat sara diri.

Semasa lawatan, rombongan PYT juga berpeluang untuk menikmati hidangan buah-buahan tempatan.

Lawatan kerja PYT serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam merupakan sebagai lawatan susulan daripada Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Truong Tan Sang, baru-baru ini, yang mana antara lain menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan melalui pelbagai program termasuk pembangunan kapasiti, bantuan teknikal, konsultasi dan peluang-peluang pelaburan.

PYT Nguyen Thi Xuan Thu serta rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan kerja selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Disember.

LAWATAN kerja Puan Yang Terutama serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam merupakan sebagai lawatan susulan daripada Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Truong Tan Sang, baru-baru ini, yang mana antara lain menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan melalui pelbagai program termasuk pembangunan kapasiti, bantuan teknikal, konsultasi dan peluang-peluang pelaburan.

123 keluarga angkat SSEAYP diberikan penghargaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Disember. - Seramai 123 keluarga angkat yang terlibat dalam Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) diraikan pada Malam Penghargaan bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada keluarga-keluarga angkat pada tahun ini ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Majlis juga selajurkan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada keluarga-keluarga angkat yang menyertai program pada tahun 2009 dan 2011 diikuti dengan penyampaian hadiah pemenang hiasan terbaik meja pendaftaran 'Homestay Matching Ceremony'.

Ianya juga diisikan dengan persembahan daripada Ahli-ahli Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (BERSATU) dan persembahan bekas peserta SSEAYP 2012.

Kapal Belia Asia Tenggara pada tahun ini telah singgah ke Negara Brunei Darussalam selama empat

hari bermula 3 hingga 6 Disember lalu.

Program Keluarga Angkat dikendalikan sepenuhnya oleh Persatuan BERSATU yang bermula pada 4 hingga 6 Disember.

Keluarga-keluarga angkat yang menyertai program berkenaan melibatkan keseluruhan peserta rancangan ini kecuali peserta dari negara ini sendiri.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmадee bin Haji Mohd. Daud, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan BERSATU.

66 pelajar sertai Pertandingan Trafik Kebangsaan



PESERTA-PESERTA diberikan tugas untuk menghabiskan litar pertandingan dengan menggunakan isyarat-isyarat tangan yang berpatutan dalam peraturan-peraturan asas lalu lintas jalan raya.

SERIA, Sabtu, 22 Disember. - Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di Seria kini membuka Taman Permainan Trafik kepada orang ramai. Taman tersebut digunakan setiap tahun untuk Pertandingan Trafik Kebangsaan yang disertai oleh sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Antara matlamat pembukaan taman permainan trafik itu ialah untuk menggalakkan dan melanjutkan pendidikan keselamatan jalan raya kepada orang ramai keseluruhannya serta meningkatkan kesedaran awam mengenai nilai keselamatan jalan raya dan pengajaran untuk semua orang tentang kepentingan mengamalkan budi bahasa di jalan raya.

Sehubungan dengan itu, seramai 66 peserta terdiri daripada para pelajar yang berumur di antara sembilan hingga 15 tahun menyertai Pertandingan Trafik Kebangsaan di taman tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Para peserta dikehendaki bertanding secara berkumpulan yang mana setiap kumpulan mesti disertai oleh seramai enam orang yang melibatkan dua pemandu, dua penunggang basikal dan dua pejalan kaki.

Setiap kumpulan mestilah berjalan dari satu tempat ke satu tempat khusus bagi pemeriksaan yang disediakan dengan masa yang telah ditetapkan iaitu selama 20 minit untuk mengumpul sepuluh mata.

Pada masa yang sama, tiada peserta dibenarkan untuk melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya dan sekiranya berlaku, maka saman akan diberikan kepada pesalah dan mata akan ditolak daripada kumpulan.

Kumpulan - kumpulan yang

menang dalam Pertandingan Trafik Kebangsaan ini menerima hadiah dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Penyelaras Pameran dan Pendidikan OGDC, Stephanie S. Sekhon.

OGDC melambangkan komitmen jangka panjang BSP ke arah pembangunan mapan Negara Brunei Darussalam dan rakyat melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan pendidikan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BSP dan OGDC telah bekerjasama dengan sekolah-sekolah, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta untuk menggalakkan kesedaran keselamatan jalan raya dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan maut di negara ini, sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada masyarakat.



PESERTA pertandingan diberikan teguran, di samping diberikan tunjuk ajar mengenai peraturan-peraturan asas lalu lintas jalan raya dalam pertandingan tersebut.

Projek Rintis PKBN beri nilai tambah kepada belia

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Dk Nur Hafizah Pg. Osman,
Ihsan Hajah Noraini Haji Alyani



DAYANG Hajah Noraini binti Haji Alyani (kanan sekali) bergambar kenangan bersama anak beliau, Ak. Muhd. Afiq Faez (dua dari kanan) dan anak saudaranya bersama ibunya semasa Majlis Pelancaran tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Beberapa peserta dari Projek Rintis Ketiga Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) melahirkan perasaan gembira dan menganggap program tersebut amat berguna serta memberikan nilai tambah bagi diri mereka selepas tamat dari program berkenaan.

Wakil PELITA BRUNEI yang membuat liputan di Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Khamis, 20 Disember lepas berpeluang menemubual beberapa peserta mengenai penglibatan mereka dalam program tersebut.

Awang Nazrul bin Narawi, 17, dari Kampung Kiarong menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti yang telah pun dibuat oleh para peserta cukup mencabar bagi beliau namun baginya itulah cabaran yang perlu dihadapi dalam program ini dan beliau cukup gembira kerana terpilih memasukinya.

"Aktiviti minggu permulaan memang menyulitkan bagi kami semua tetapi setelah beberapa minggu nanti, kami pasti dapat melakukan aktiviti dengan baik, insya-Allah," jelasnya.

Di samping untuk meraih pengalaman dan menimba pengetahuan baru, beliau juga menjelaskan program ini dapat mengeratkan hubungan sesama peserta dan saling kenal-mengenal dengan rakan-rakan baru.

Sementara itu, Dayangku Nur Afiah binti Pengiran Hamzah, 16, pula memberitahu wakil PELITA BRUNEI bahawa beliau menyertai PKBN kali ini kerana minatnya dan ingin mencuba cabaran-cabaran yang bakal dihadapi semasa dalam program berkenaan.

Beliau yang merupakan bekas penuntut Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri juga gembira kerana berjaya terpilih dalam program berkenaan yang mana

penglibatannya disokong sepenuhnya oleh kedua orang tuanya.

Dayangku Nur Afiah turut memberi kata nasihat kepada para remaja dan belia untuk ikut serta dalam PKBN dan meraih pengalaman yang berharga buat diri masing-masing dan dapat berbakti kepada negara daripada membuang masa melakukan aktiviti yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri mereka sendiri.

Selesai menjalani program itu nanti, harapan beliau adalah untuk menyambung lagi pengajian beliau ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi Dayang Hajah Noraini binti Haji Alyani ibu kepada Awangku Mohammad Afiq Faez bin Pengiran Haji Yusof pula berpendapat PKBN merupakan satu tempat untuk belia-belia Brunei menjatikkan diri sebagai anak bangsa yang berguna.

Daripada rintis yang pertama dan kedua jelasnya, dapat dilihat bahawa para peserta telah mampu menjadi seorang belia yang berdisiplin dan bertanggungjawab yang setentunya menjadi kebanggaan negara.

Dari pemahaman beliau sendiri, PKBN banyak memberi kebaikan dan manfaat kepada para peserta yang mana selain banyak meraih pengalaman, mereka juga akan diajar cara-cara berkawad, bersukan, cara menggunakan senjata dan juga tidak ketinggalan belajar agama di sepanjang program dilaksanakan.

Menyentuh mengenai penglibatan anak beliau dalam program tersebut, Dayang Hajah Noraini menjelaskan ia adalah kemauan dan minat anaknya sendiri untuk mengikuti program berkenaan dan mendapat sokongan penuh daripada keluarga.

"Saya amat bersyukur kerana anak saya terpilih dan berharap agar dia dapat menjadi anak yang mandiri, tabah, mampu meningkatkan ilmu agama dan seterusnya dapat memberi kebanggaan kepada agama, bangsa dan negara," ujarnya.



Vision Statement pacu hubungan ASEAN-India lebih konkret

asean india

PROGRESS & PROSPERITY



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari, ASEAN-India Commemorative Summit 2012.

Oleh : Samle Haji Jait

NEGARA Brunei Darussalam dengan negara-negara ASEAN yang lain bersama India melakar satu lagi sejarah baru dalam hubungan Rakan Dialog ASEAN-India apabila berjaya mengeluarkan Kenyataan Visi (Vision Statement) yang akan memacu arah tuju yang terarah dan lebih konkret.

Kenyataan visi itu, juga menjadi peta jalan yang komprehensif bagi politik, keselamatan, ekonomi, sosiobudaya dan kerjasama pembangunan yang memerlukan tanggungjawab kedua-dua belah pihak untuk merealisasikannya dengan inovasi dalam memenuhi ekspektasi yang tinggi dari pada hubungan berkenaan.

Kenyataan visi itu merupakan salah satu hasil yang memberangsangkan pada pertemuan ASEAN-India Commemorative Summit 2012 bersempena 20 tahun Rakan Kongsi Dialog dan meraikan ulang tahun ke-10 Sidang Kemuncak ASEAN-India yang berlangsung di Durbar Hall Taj Palace, pada 20 Disember yang lalu, di New Delhi, India.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama pemimpin ASEAN yang lain dan India, telah sepakat untuk merealisasikan kenyataan visi berkenaan bagi mengekalkan keamanan, kemajuan dan perkongsan

kemakmuran rakyat bersama. Negara Brunei Darussalam yakin banyak lagi yang boleh dicapai oleh ASEAN-India pada masa depan terutama dalam memperluaskan lagi kerjasama yang sedia ada seperti bidang keselamatan-politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Semasa sesi plenari,

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah terdapat potensi dalam kerja-kerja ke atas jalinan perhubungan bersama yang akan membawa kedua-dua rakyat menjadi lebih dekat dan mengembangkan jalinan perdagangan dan perusahaan bersama.

"ASEAN dan India telah berkongsi sejarah sejak sekian lama menjauh ratus tahun dan terdapat banyak persamaan seperti kebudayaan, bahasa dan makanan. Inilah asas kejayaan perkongsian tersebut," titah Baginda.

New Delhi yang pertama kali menjadi tuan rumah membuktikan dasarnya 'Pandang ke Timur' telah membuka banyak peluang dan potensi yang perlu ditekorai untuk memberi manfaat bersama terutama kepada rakyat kedua-dua belah pihak.

Selepas mengiktiraf kejayaan mengimplementasikan Pelan Tindakan (Plan of Action) yang pertama dalam tempoh 2005-2010, para pemimpin ASEAN-India kini melaksanakan pula Pelan Tindakan 2010-2015.

sejak beberapa abad yang mana pengetahuan dan idea-idea, barang dan tradisi telah beralih merintasi sempadan yang menyediakan asas kukuh bagi kerjasama dalam dunia sejagat.

Sementara itu, pemimpin ASEAN dan India juga menyatakan komitmen untuk bersama-sama berkerja rapat dalam isu-isu serantau dan antarabangsa yang memerlukan perhatian bersama dan menyokong peranan setiap negara pada peringkat global termasuk berkerja bersama untuk mempromosi dan mengukuhkan perjanjian serantau pelbagai hala bagi kestabilan dan kemakmuran di Asia.

Menyentuh hubungan dialog sejak penubuhan sebagai rakan kongsi dialog sektor pada 1992, para pemimpin telah berpuas hati dengan pertumbuhan dan kemajuan yang pesat hubungan berkenaan sambil menghargai peranan dan sokongan India yang berterusan.

Sebelum ini, India telah menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) dan sumbang aktif India-ASEAN +1, Forum Serantau ASEAN (ARF), Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM).

Para pemimpin juga mengiktiraf pusat ASEAN dan peranannya sebagai penggerak struktur ekonomi dan keselamatan dan institusi-institusi yang dibentuk ketika ini akan menghasilkan kestabilan dan keselamatan persekitaran rantau bagi mencapai pembangunan yang mampu.

Kenyataan visi itu, juga mengakui tamadun ASEAN dan India telah diperkayakan dengan pertukaran budaya

Menyentuh kerjasama keselamatan dan politik, para pemimpin menyatakan untuk

berkongsi visi bagi keamanan yang menyumbang dan mempromosi kepada keselamatan dan keamanan global.

Para pemimpin juga komited untuk mengalakkan lebih luas lagi kerjasama keselamatan dan perkongsian informasi dialog keselamatan pada peringkat biasa dan peringkat atasan untuk menyampaikan cabaran-cabaran keselamatan tradisi dan bukan tradisi termasuk jenayah transnasional dan mengukuhkan kesan implementasi bagi 'ASEAN-India Join Declaration for Cooperation to Combat International Terrorism'.

Dalam konteks integrasi ekonomi globalisasi dan serantau, para pemimpin juga menyatakan komited dalam memajukan lagi kerjasama ekonomi dan meningkatkan hubungan ekonomi serantau termasuk jawatankuasa dialog ekonomi pelbagai sektor yang strategik.

Mereka juga komited untuk mencapai volume yang tinggi perdagangan melalui Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) dengan memastikan perdagangan dan pontensi ekonomi di bawah rakan kongsi strategik akan meluaskan inisiatif-inisiatif kemudahan perdagangan untuk mencapai sasaran.

Sehubungan dengan itu, para pemimpin ASEAN-India menerima kejayaan rumusan perdagangan yang dipertimbangkan dalam perjanjian perkhidmatan dan pelaburan di mana penandatanganan perjanjian itu akan menyediakan integrasi ekonomi yang lebih luas untuk menyumbangkan kepada integrasi ekonomi Asian Timur keseluruhannya.

Sektor swasta juga mendapat galakan dan sokongan melalui penubuhan rangka kerja mengukuhkan lagi komitmen sektor berkenaan dengan hubungan rakan kongsi Awam-Swasta

(PPP).

Oleh itu, para pemimpin telah menggalakkan kerjasama yang lebih luas dalam kalangan ASEAN dan India dalam menyokong kemajuan sub-regional termasuk rangka kerja kerjasama Mekong-Ganga (MGC), Inisiatif Bay of Bengal bagi sektor teknikal dan kerjasama ekonomi (MIMSTEC), BIMP-EAGA, CLV-DTA, IMT-GT, GMS dan AMBDC dan bidang-bidang lain.

Isu-isu Sosio Kebudayaan dan Kerjasama Pembangunan (Socio Cultural and Development Cooperation) dan jalinan hubungan rakyat kedua-dua belah pihak juga mendapat perhatian para pemimpin ASEAN-India dengan mengariskan beberapa landasan untuk sektor berkenaan bergerak dan mencapai matlamat yang menguntungkan.

ASEAN-India Commemorative Summit 2012 dilihat mempunyai signifikan dan sangat istimewa apabila keteguhan dan kepentingan rakan-kongsi ASEAN-India yang dicapai bukan saja bergantung usaha yang dilakukan di antara kerajaan malah menyediakan interaksi yang luas dalam kalangan rakyat, penuntut, saintis, para pendidik, pakar, media, keusahawanan, petani dan artis.

"Kita bersama dalam meningkatkan jalinan hubungan, mengukuhkan perdagangan, mempromosi kerjasama dalam kalangan institusi kita dan mendalami hubungan dalam kalangan rakyat. Para pemimpin mengenal pasti kepentingan hubungan serantau dan konteks global," jelas Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Manmohan Singh pada penutup sesi plenari.



'Tutong Amazing Race' 21 dan 24 Disember 2012



KETUA Cawangan Belia dan Sukan Daerah Tutong, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

TUTONG, Khamis, 20 Disember. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah

Berita dan Foto :
Eddy Iswaandy Haji Ismail

Tutong buat julung kalinya akan mengadakan 'Tutong Amazing Race 2012' edisi Kenali Negara Kitani (KNK) dengan kerjasama ahli sukarelawan Kelab Pusat Belia Daerah Tutong pada 21 dan 24 Disember 2012.

Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Tutong, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa ditemu bual menjelaskan, 'Tutong Amazing Race 2012' edisi KNK merupakan salah satu lagi aktiviti yang dirancang dan dianjurkan setiap tahun oleh JBS Cawangan Daerah Tutong melibatkan golongan belia khususnya ahli suka-

relawan Kelab Pusat Belia Daerah Tutong dalam usaha untuk melahirkan golongan belia yang berkualiti, cemerlang, produktif, kreatif dan berinovatif selaras dengan kehendak Dasar Belia Negara bagi menuju Wawasan Negara 2035.

"Seperti tahun yang sudah-sudah, pengendalian aktiviti ini memang diadakan berlainan konsep mengikut kesesuaian dan kehendak para belia dan alhamdulillah bagi penganjuran kali ini aktiviti ini mempunyai kelainannya yang tersendiri daripada yang sebelumnya, iaitu edisi KNK," jelasnya.

Menyentuh format program,

beliau menjelaskan, ia berkonsepkan pertandingan yang sama seperti *amazing race* yang dipraktikkan oleh *game show* antarabangsa yang mana setiap pasukan terdiri daripada tiga peserta dikehendaki mencari *check point* yang ditetapkan berpandukan peta atau pembayang yang diberikan oleh pihak pengajar.

Menurutnya, semua peserta juga dikehendaki menyelesaikan tugas yang diberikan pada setiap 19 *check point* yang disediakan pengajar bagi memastikan program ini benar-benar mencabar mental dan fizikal para peserta selaras dengan tujuan program untuk melahirkan belia cemerlang dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dari segi mental dan fizikal serta dalam masa yang sama akan

menguji minda para belia dari segi pemikiran kritis mereka dalam membuat sesuatu keputusan yang cepat dan tepat untuk menghabiskan setiap *check point* bagi meraih gelaran juara.

"Walau bagaimanapun, kita juga akan menetapkan masa bagi setiap kumpulan untuk melengkapkan tugas dan setiap kumpulan hendaklah menyelesaikan semua tugas yang diberikan mengikut peraturan yang akan dimaklumkan nanti, peraturan ini akan melatih para belia untuk menghargai masa dan pengurusan masa," ujarnya.

Mengenai perkataan 'Song Dai Per'abang', beliau menjelaskan, perkataan ini merupakan terjemahan dari bahasa Tutong yang membawa maksud berlari dan perkataan

ini telah diguna pakai sejak program pertama (program tahun ini merupakan kali keempat).

Setiap tahun program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari keempat-empat buah daerah dan pada tahun ini sebanyak 24 buah pasukan mengambil bahagian melibatkan 72 belia.

Daripada 19 *check point* yang disediakan, sepuluh daripadanya akan di tempatkan di Daerah Brunei dan Muara dan selebihnya akan di tempatkan di Daerah Tutong.

Check point yang dikenal pasti ini merupakan tempat-tempat yang mempunyai latar belakang yang menarik dan ciri-cirinya lebih mengutamakan moto penganjuran pada tahun ini iaitu KNK.

Akta Pengadilan Tuntutan Kecil 2006 dan Peraturan - Peraturan Tuntutan Kecil 2012 bermula 1 Januari 2012

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Pejabat Peguam Negara mengumumkan bahawa Ketua Hakim Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memilih tarikh 1 Januari 2012 sebagai tarikh bagi Akta Pengadilan Tuntutan Kecil (The Small Claims Tribunals Order), 2006 dan Peraturan-peraturan Tuntutan Kecil (The Small Claims Rules), 2012 akan bermula.

Penubuhan Pengadilan Tuntutan Kecil

di bawah Perintah Tuntutan Kecil, 2006 merupakan sebahagian daripada Mahkamah Rendah yang ditubuhkan untuk membuktikan masa yang cekap dan perbincangan yang tidak mahal berbanding proses perundangan sivil di Mahkamah Majistret.

Pengadilan Tuntutan Kecil adalah sebagai resolusi tuntutan kecil tidak melebihi BND10,000 antara pengguna dan pembekal yang ditimbulkan daripada kontrak jualan barang-barang, penyediaan perkhidmatan atau kerosakan yang disebabkan kepada harta tort tidak melebihi nilai BND10,000. Prosiding sebelum pengadilan dijalankan dalam secara *private*

dan secara *informal* tanpa kehadiran Peguam Bela dan Peguam Cara dengan beberapa usaha untuk menyelesaikan pertikaian secara baik sebelum pengadil mendengar keterangan dan penghujahan pihak-pihak dan memutuskan kes berdasarkan merit. Para penuntut dikehendaki melaporkan dalam tempoh satu tahun dari *accrual* mereka. Tuntutan bermula dengan

melengkapkan dan melaporkan Pengadilan Tuntutan Kecil yang ditetapkan selepas pembayaran.

Undang-undang ini menunjukkan usaha berterusan kerajaan untuk melindungi pengguna dan orang ramai dalam transaksi urus niaga yang berkaitan dengan pengguna.

Sebuah syarikat dikenakan kompaun

Berita dan Foto :
Ihsan Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 22 Disember. - Sebuah syarikat dikenakan kompaun sebanyak BND200 (Dua Ratus Ringgit Brunei) oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong kerana telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12(1)b.

Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong menyarankan kepada premis-premis perniagaan, syarikat-syarikat swasta serta orang ramai di daerah ini supaya tidak

mengambil mudah mengenai dengan pembuangan sampah dan menggesa semua pihak agar sentiasa menjaga kebersihan khususnya di kawasan awam.

Di samping itu, pemilik-pemilik perniagaan juga diseru supaya mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong akan sentiasa memantau dan memastikan undang-undang yang diperuntukkan dipatuhi sepenuhnya.



BAHAGIAN PENGUATKUASAAN JABATAN DAERAH TUTONG menyarankan kepada premis-premis perniagaan, syarikat-syarikat swasta serta orang ramai di daerah ini supaya tidak mengambil mudah mengenai dengan pembuangan sampah dan menggesa semua pihak agar sentiasa menjaga kebersihan khususnya di kawasan awam.

Para peserta CFSSP minat sains masakan



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir bagi mengikuti aktiviti membuat 'Cuka Cheese' menggunakan *cuka* dan *susu biasa* yang dianjurkan oleh 'Cool Fun Science School Programme' (CFSSP).

Berita dan Foto :
Siaran Akbar OGDC

KUALA BELAIT, Jumaat, 21 Disember. - Para peserta 'Cool Fun Science School Programme' (CFSSP) yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) berakhir dengan aktiviti membuat 'Cuka Cheese' menggunakan *cuka* dan *susu biasa*.

CFSSP merangkumi pembuatan pelbagai makelan dalam makmal sains dan memahami sains masakan yang membolehkan para peserta merasakan makanan yang mereka masak.

Sepanjang aktiviti dilaksanakan, para peserta

melahirkan minat mereka lebih kepada memasak (*baking*) yang mana mereka berpeluang membuat pizza dan rock candy.

Terdapat sejumlah 60 peserta berumur daripada 16 tahun ke bawah mengambil bahagian sepanjang CFSSP anjuran OGDC itu.

Melalui CFSSP yang bermula pada tahun lepas, OGDC berharap dapat mendidik generasi muda bahawa sains boleh diguna pakai dalam apa juga yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari termasuk memasak.

Apa susahnya mendapatkan ilmu?

SEMUA manusia digalakkan mencari ilmu. Ilmu ibarat pelita yang sentiasa menerangi hati dan jiwa manusia menuju jalan ke puncak (kebahagiaan). Tanpa ilmu manusia akan menjadi buta hati dan jiwa yang membuatkan manusia itu jatuh ke jurang kehinaan. Justeru itulah Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengangkat manusia yang berilmu dengan darjat yang setinggi-setingginya. Begitu juga dengan mereka yang menuntut ilmu setiap kali mereka melangkahkan kakinya, Allah Subhanahu Wata'ala sudah menjanjikan satu pahala yang besar baginya.

Menuntut ilmu ada tiga cara iaitu melalui guru, bahan cetak dan elektronik dan alam sekitar (penglihatan dan pengalaman).

GURU

Salah satu cara mendapatkan ilmu ialah melalui guru. Guru yang kita maksudkan di sini ialah seseorang yang menunjuk ajar, baik secara lisan ataupun tulisan. Guru memberikan ilmunya, lebih banyak menunjukkan pengajarannya secara praktikal dan teori, justeru itu mereka yang mendapat pengajaran dan pendidikan daripada guru sangat mudah difaham. Terdapat beberapa kategori yang dimasukkan dalam kalangan yang bernama guru, antaranya; ibu bapa, guru kerana pekerjaan, guru bukan kerana pekerjaan.

IBU BAPA

Dalam era pendidikan kanak-kanak (manusia), kedua ibu bapa adalah guru yang pertama sekali dialami oleh manusia bermula daripada kelahiran seorang manusia bernama (anak). Sehingga kanak-kanak itu pandai berjalan dan berlari dan mencapai usia tiga tahun bahanalah kanak-kanak itu menerima pendidikan secara formal (bersekolah dengan guru yang khusus iaitu sebagai pekerjaan mereka). Jika kita menoleh kebelakang sejarah kita yang pernah kita alami, semasa saya diantar ke sekolah terdapat kanak-kanak yang berusia sehingga 12 tahun baru menerima pendidikan formal, ketika saya menjadi guru terdapat kanak-kanak yang mula masuk bersekolah ketika berusia lapan tahun. Cubalah awda bayangkan sendiri, begitulah



Oleh : Awang Haji Sulaiman Haji Duraman
Foto : Jabatan Penerangan

tamadun dan peredaran masa membuatkan manusia itu semakin maju. Kita mengharapkan hari ini adalah lebih baik daripada hari semalam, mungkin besok lebih baik daripada hari ini, amin!

GURU DENGAN PEKERJAAN
Lazimnya guru-guru yang mendidik pelajar di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah, surau, balai dan sebagainya. Mereka adalah guru yang khusus dan mereka ini dibayar gaji atau upah oleh majikan. Pelajar atau anak didik mereka akan memperolehi pelbagai ilmu dunia dan Akhirat melalui guru.

GURU BUKAN KERANA TUGASNYA



Guru dalam golongan ini tidak kurang pentingnya dalam memartabatkan ilmu untuk dicurahkan kepada masyarakat atau orang ramai. Biasanya mereka adalah terdiri daripada pendakwah, penceramah, mereka yang pakar dalam bidang masing-masing seperti; kesihatan, agama, pentadbiran dan lain-lain. Golongan ini jarang sekali dipanggil guru kerana pada pemikiran orang ramai, pada sangkaan mereka itu guru hanya bertugas di institusi-institusi pendidikan seperti di sekolah. Inilah persepsi yang harus dibetulkan. Menurut pendapat Sayyidina Ali Radiallahuanu : "Sesiapa pun yang mengajarku waima sepatuh huruf, itu adalah guruku." Demikianlah adanya

BAHAN CETAK DAN ELEKTRONIK

Yang kita maksudkan mendapatkan ilmu melalui bahan cetak dan elektronik seperti; Surat Khabar, Majalah, Buku Ilmiah dan Hiburan, Komputer, Radio, IT dan sebagainya. Dunia hari ini sangat pesat membangun dalam pelbagai bidang justeru itu manusia atau masyarakat hari ini juga sangat mudah mendapatkan ilmu dalam kata lain, apabila kakimu melangkah engkau sudah mendapat ilmu terserah kepada penilaianmu terhadap ilmu itu. Zaman masa penulis sangat berbeza daripada zaman anak-anakku pada masa kini, alam yang dahulunya indah tiada memberikan aspirasi kepadaku

kerana pengetahuan ilmu yang sangat cetik dan daya pemikiran yang sangat lemah. Justeru penulis hanya berkata: "Apa susahnya mendapatkan ilmu?" Demikianlah ku ungkap kepada kalian agar kalian menyedari betapa pentingnya ilmu untuk masa depan, bagiakanlah masa depanmu dengan ilmu.

ALAM SEKITAR

Hanya segelintir masyarakat sahaja yang mengetahui dan menyedari, sesungguhnya alam sekitar juga berfungsi memberikan ilmu kepada mereka, namun sikap *malas taku ingau* membuat mereka sering mengabaikan kepentingannya. Justeru itu timbulah pepatah orang-orang tua: *sudah terantuk baru mengadah*. Kita manusia ini sering lupa betapa hikmahnya Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita sebagai manusia lalu diadakannya mata untuk

melihat, telinga untuk mendengar, akal untuk berfikir, tangan untuk merasa, kaki untuk melangkah dan sebagainya. Kesemua anggota ini diwujudkan bagi mendapatkan sesuatu termasuklah mendapatkan ilmu yang sentiasa bertebaran disekelilingmu. Jika engkau sedang dalam perjalanan menuju ke tempat yang di tuju sudah pasti engkau akan melihat berbagai-bagai kejadian seperti ada pelanggaran kereta, pokok-pokok bergoyang, tanah runtuh, manusia dengan gaya yang tersendiri, binatang dan sebagainya. Semua ini adalah sebuah peringatan dan pengetahuan untuk dirimu pelajari supaya engkau sentiasa tetap waspada setiap masa. Justeru itu banyak-banyaklah engkau berzikir mengingati Allah.

Demikianlah nukilan ku untuk kalian semoga engkau memahami, mengetahui, dan menyedari betapa pentingnya dirimu dilengkapi dengan ilmu.



Hala tuju PKBN kesan dan masa depannya



PESERTA dari Projek Rintis yang pertama bagi Program Khidmat Bakti Negara semasa membuat barisan lalu tamat latihan.

Oleh : Zawiyatun Ni'mah binti Mohd Akir
Foto : Jabatan Penerangan

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang penduduknya seramai 393,162 menurut banci 2011 dan lebih kurang enam puluh peratus merupakan kalangan belia remaja. Jumlah itu sudah pasti semakin meningkat setiap tahun. Merujuk daripada purata tersebut memperlihatkan belia itu harapan nusa, bangsa dan aset negara yang cukup berharga dan bernilai tinggi untuk menjana kemantapan kehidupan yang lebih membangun dalam pelbagai aspek dunia era globalisasi. Kelompok inilah menjadi tumpuan untuk membina masyarakat yang cemerlang, berkepimpinan, berdisiplin, berjiwa kental, bertamadun tinggi, proaktif, cekap dan dinamik.

Bagi menghasilkan belia sedemikian pelbagai program telah diungkayahkan oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan impian negara termasuk jugalah Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) merupakan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadi suatu keperluan bagi negara untuk melahirkan belia cemerlang dan berwawasan jitu. Program tersebut selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara 'Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang' serta untuk mewujudkan belia yang lebih bertanggungjawab dan berdisiplin.

Para belia merupakan penggerak utama dan jentera negara yang paling unggul perlu diketengahkan penglibatan mereka seperti mana menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair Bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap matlamat PKBN ialah untuk meningkatkan semangat patriotik, berilizam dan berdaya tahan dalam kalangan belia selain bagi mengukuhkan kesefahaman yang terkandung dalam perlumbaan Negara dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), ke arah melahirkan belia beriman dan bertakwa serta membantu dalam membentuk

perwatakan yang positif. Jelas dari ucapan beliau itu menunjukkan bahawa penubuhan PKBN ini untuk membawa perubahan ke arah yang lebih baik dan membangun sejarah dengan apa yang diimpikan dan diharapkan oleh negara kepada para belia.

KESAN DAN MASA DEPAN

PKBN merupakan suatu program yang sangat berguna pada belia untuk mengisi masa lapang daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan merugikan mereka serta program ini memberikan kesan yang sangat membangun malah merubah sikap belia dengan lebih terbentuk dan terarah.

Seperti mana yang telah diakui oleh bekas pelatih PKBN, Awang Jubeli Bin Haji Daud, sebelum memasuki PKBN dirinya kurang berdisiplin, tidak menghargai masa dan agak sedikit pemalu, akan tetapi dengan adanya program ini banyak mengubah sikapnya menjadi lebih berdisiplin, berkeyakinan, bekerjasama, memeduli orang di sekelingnya, berkepimpinan, mampu membuat keputusan sendiri, lebih mendiri, dan bertanggungjawab.

Beliau menjelaskan, dahulu beliau tidak gemar untuk bangun awal pada waktu pagi apatah lagi untuk pergi ke sekolah dan tidak berkeyakinan terutama sewaktu membentangkan kerja sekolah di hadapan orang ramai. Akuinya lagi beliau tidak terlalu mengendahkan kehidupan yang berada di persekitarannya. Terbentuknya PKBN ini banyak memberikan kesedaran kepada belia untuk lebih peka dan mempelajari banyak perkara yang baru dan mencabar fizikal dan mental beliau.

Banyak pendedahan baru yang dipelajarinya terutama tentang jati diri dan kenegaraan yang berbentuk pendidikan dalam memperkembang-

kan diri melalui aktiviti yang banyak dijalankan secara berkumpulan. Aktiviti sebegini digarap untuk mencungkil kelebihan dan kelemahan mereka agar mampu untuk mengendalikan tanggungjawab sebagai seorang ketua dalam sesebuah kumpulan seperti yang telah diarahkan serta mampu menjayakan aktiviti yang diungkayahkan itu. Mereka akan saling bekerjasama dan mengeratkan silaturrahim antara mereka supaya mampu menanam semangat jati diri yang jitu.

Di samping itu, latihan disiplin dan fizikal yang berbentuk latihan jasmani, kawad dan aktiviti lasak juga memainkan peranan yang penting dalam program ini. Kawad menjadi keutamaan dilakukan di mana-mana sahaja sama ada hendak menuju ke kantin, ke surau dan sebagainya untuk mendisiplinkan mereka menjadi seorang yang berwibawa dan berjiwa kental dalam mengharungi kehidupan moden yang penuh pancaroba dan berliku. Mereka juga mengikuti aktiviti senaman pagi, gimnastik, *flying fox*, mendaki bukit, berkayak di Sungai Temburong dan seumpamanya. Pengalaman sebegini sangat berharga buat mereka yang sukar untuk diperolehi apatah lagi dididik dan diajar oleh orang-orang yang pakar dalam bidang ketenteraan.

Selain itu aspek keusahawanan, para pelatih akan didedahkan dengan pengetahuan dalam bidang keusahawanan seperti asas perniagaan, pengurusan kewangan dan sebagainya. Asas ini mendidik belia supaya mengetahui cara mengendalikan sesebuah perniagaan dengan lebih teratur dan bersistematis. Manakala dalam Khidmat Komuniti, para pelatih akan dilatih agar dapat mempertingkatkan semangat sukarelawan selain memupuk semangat perpaduan melalui kerja-kerja kemasyarakatan serta me-

nanamkan rasa bergotong-royong antara mereka. Para belia dibawa ke tempat-tempat yang tertentu untuk membantu orang-orang yang memerlukan bantuan, membersihkan kawasan tanah perkuburan dan perkampungan dan sebagainya. Dalam situasi sebegini beliau sangat bersyukur kerana diberi peluang dan kesempatan berbakti kepada masyarakat Brunei khususnya.

Para belia merasa gembira dan berpuas hati ketika mengikuti PKBN ini kerana kesannya amat terasa terutama sekali mereka banyak menimba ilmu pengetahuan yang sangat berguna dan relevan dengan kehidupan sekarang ini. Sesuatu perkara yang tersurat apatah lagi yang tersirat mengajar mereka semua erti sebuah kehidupan yang sebenar. Mereka mampu untuk berdikari, menjalankan tugas dengan sebaiknya, bergaul dengan baik serta menghormati antara satu sama lain. Perbezaan amat ketara sekali sebelum dan selepas memasuki PKBN ini di mana beliau merasakan fizikal dan mental semakin kental. Beliau sekarang tidak mengalami masalah lagi tentang penyesuaian diri dengan kawan-kawan dan keadaan yang baru ini. Semua ini diperjelas oleh Awang Muhammad Mu'izz Bin Abdul Musauuir merupakan pelatih PKBN sesi ketiga.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri dan disiplin anak-anak supaya menjadi lebih baik dan berusaha untuk mencapai piawaian negara. Sokongan moral dan dorongan daripada ibu bapa merupakan semangat untuk anak-anak terus melangkah dengan berani dan menjadikan mereka lebih kuat tanpa mengenal erti putus asa dan kekalahan dalam hidup. Restu ibu bapa sangat utama untuk memperolehi keberkatan dalam menjalani kehidupan. Ibu bapa mahukan yang terbaik untuk mereka. Tidak ada seorang ibu bapa pun yang menginginkan anak-anak mereka tewas dan lemah. Mereka ingin anak-anak melakukan aktiviti berfaedah dan bersesuaian dengan kehendak negara. Para ibu bapa tidak boleh terlepas pandang dengan aktiviti yang dijalankan oleh anak-anak di luar rumah malah sentiasa memantau penglibatan anak-anak. Justeru itu, tidak wajar usia berharga itu dipersia-siakan oleh para belia.

Menurut Dayang Shroni@Hasna binti Sha'ari merupakan ibu kepada

Awang Muhammad Mu'izz bin Abdul Musauuir mengakui yang beliau dan suaminya tidak menghalang anaknya untuk mengikuti PKBN ini kerana beliau yakin program ini mampu untuk membentuk anaknya lebih berdikari lagi dan tahu merasa hidup susah dan faham erti kehidupan. Program ini juga menyediakan pelajaran yang cukup terutama dari segi keugamaan dan keperluan yang disediakan setiap hari sangat lengkap itu jugalah yang membuatkan beliau mengizinkan anaknya untuk menyertai program ini. Beliau merasa bersyukur kerana anaknya terpilih mengikuti program ini dan sering mengingatkan anak-anaknya kalau melangkah jangan sesekali menoleh ke belakang lagi kerana diri sendiri akan rugi dan jangan mengalah sebelum berjuang. Kata-kata motivasi itu merupakan sumber inspirasi yang mampu memberikan semangat dan keyakinan yang tinggi untuk anak-anaknya tanpa merasa terpencil, terasing dan lemah di mata orang lain.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-7 Tahun 2012 pada 6 Oktober 2012 yang lalu di mana antara lain baginda bertitah bahawa 'Kita (negara) menginginkan belia-belia yang sempurna lagi unggul' yang memiliki kesempurnaan dari segala segi. Titah baginda itu bakal tercapai dan terlaksana seperti apa yang diharapkan baginda dan negara berdasarkan terciptanya Program Khidmat Bakti Negara ini. Masa depan para belia akan lebih terjamin dan terpimpin untuk menuju arus kecemerlangan dan memiliki keunikan yang terpancar.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dengan adanya penjelasan daripada mereka membuktikan PKBN ini banyak memberikan kesan yang positif dan baik untuk para belia membangunkan diri sendiri, berdisiplin, bermotivasi, maju ke hadapan, hidup bermasyarakat, berkeyakinan tinggi, berilmu, berkepimpinan, takwa dan sebagainya. Masa depan negara bergantung kepada para belia untuk melaksanakan kewajipan itu. Tanpa para belia sesebuah negara akan kecundang dan runtu hanya tinggal serpihan yang tiada bernilai. Dengan terbentuknya PKBN ini para belia mampu memaparkan sesuatu yang luar biasa dan kecemerlangan diri pasti berhasil.



Bersentuhan Dengan Kanak-Kanak Bukan Mahram: Adakah Membatalkan Wudhu Atau Tidak?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Bukanlah suatu perkara yang dirisaukan dan diragukan seseorang jika tersentuh dengan mahram di dalam keadaan berwudhu. Ini kerana ramai yang tahu bahawa wudhu tidak akan batal jika persentuhan berlaku antara sesama mahram. Hukum syara' telah menetapkan wudhu seseorang tidak batal jika bersentuhan dengan mahram mu'abbad (yang diharamkan nikah dengannya untuk selamanya), sama ada disebabkan keturunan, penyusuan mahupun perkahwinan seperti menantu dengan mertua.

Status mahram ternyata membuatkan seseorang merasa yakin, sekaligus menolak keraguan adakah wudhu masih sah atau batal apabila bersentuhan kulit dengan yang berlawanan jantina. Umpamanya wudhu seorang ibu tidak batal jika menyentuh anak kandung lelaki yang masih kecil ataupun yang sudah dewasa.

Sebaliknya kerisauan, keraguan dan kekeliruan itu adakalanya berlaku pada segelintir orang Islam terutama mereka yang sering berhadapan dengan kanak-kanak seperti guru tadika, jururawat atau pengasuh anak. Mereka tidak tahu atau tidak pasti sama ada wudhu menjadi batal disebabkan berlakunya persentuhan antara kanak-kanak yang berlawanan jantina yang bukan dari kalangan mahram mereka ataupun tidak? Adakah wudhu batal jika menyentuh, disentuh atau tersentuh kanak-kanak tersebut?

Bersentuhan Kulit Antara Lelaki Dan Perempuan Membatalkan Wudhu

Pada dasarnya, menurut mazhab Syafi'e, bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan adalah antara perkara yang membatalkan wudhu. Ketetapan ini bersandarkan kepada firman Allah Subhanahu Wata'alaa:

Tafsirnya: "...Atau kamu bersentuh dengan perempuan (yang bukan mahram) lalu kamu tidak memperolehi air (untuk berwudhu atau mandi), maka bertayammumlah dengan tanah (debu) yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu (hingga ke siku) dengannya..."

(Surah al-Ma'idah: 6)

Ayat di atas memerintahkan agar berwudhu atau bertayammum - jika dalam keadaan ketidaaan air - untuk menghilangkan hadats akibat berlakunya persentuhan antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram.

Secara ringkasnya, yang dimaksudkan dengan bersentuh itu ialah:

1) Bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan, hendaklah terdiri dari orang dewasa atau orang yang sudah mencapai tahap memiliki syahwat.

2) Bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai hubungan mahram.

3) Bersentuhan selain dari rambut, gigi dan kuku kerana anggota-anggota tersebut tidak mendatangkan syahwat dengan menyentuhnya sebagaimana pendapat ashah.

4) Bersentuhan langsung antara kulit iaitu tidak diselangi atau dialas oleh sesuatu seperti lapis atau baju sekalipun nipis.

5) Berlaku persentuhan sama ada dengan menyentuh, disentuh mahupun tersentuh.

Manakala yang dimaksudkan dengan lelaki dan perempuan itu ialah lelaki dan perempuan yang jelas mencapai tahap memiliki syahwat sebagaimana pada kebiasaan naluri semulajadi setiap manusia normal.

Oleh yang demikian, jika persentuhan kulit berlaku sebagaimana yang dimaksudkan di atas, maka wudhu menjadi batal dan tetap batal sekalipun persentuhan itu tidak disertai dengan rasa syahwat, tidak sengaja, lupa atau dalam keadaan terpaksa.

Wudhu juga batal meskipun bersentuhan dengan lelaki yang tidak cenderung terhadap perempuan, lelaki yang tidak lagi bersyahwat, perempuan tua yang tidak lagi bersyahwat atau tidak membangkitkan rasa syahwat apabila menyentuhnya.

Selain itu, wudhu juga batal dengan menyentuh atau tersentuh anggota badan yang lumpuh, anggota tambahan, ataupun orang mati. Akan tetapi wudhu orang mati adalah tidak batal.

Dalam perkara bersentuhan ini, kedudukan wudhu orang yang menyentuh sama juga dengan orang yang disentuh iaitu batal ke atas kedua-duanya jika berlaku persentuhan antara mereka kerana kedua-duanya mengalami perkongsian rasa bersentuhan itu.

Bersentuhan Kulit Dengan Kanak-Kanak Dalam Keadaan Berwudhu

Sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama, wudhu menjadi batal jika persentuhan kulit berlaku antara lelaki dewasa dan perempuan dewasa yang dikatakan mencapai tahap memiliki syahwat mengikut 'urf' (kebiasaan).

Ini bererti, wudhu tidak batal jika berlaku persentuhan kulit antara dua orang kanak-kanak kerana tidak ada kemungkinan syahwat.

Berbeza halnya jika bersentuhan dengan lelaki atau perempuan yang cukup tua, wudhu tetap batal walaupun tidak ada kemungkinan syahwat kerana mereka adalah antara orang sudah mencapai tahap memiliki syahwat.

Jika persentuhan kulit itu berlaku di antara orang dewasa dan kanak-kanak, perlulah diperhatikan keadaan seperti contoh berikut:

Contoh:

Persentuhan kulit di antara A (lelaki dewasa) dan B (kanak-kanak perempuan);

1) Jika persentuhan kulit berlaku antara A dan B, maka wudhu kedua-duanya tidak batal kerana wudhu tidak batal jika persentuhan kulit berlaku dengan salah seorang darinya adalah kanak-kanak yang belum lagi mencapai had memiliki syahwat.

2) Jika persentuhan kulit berlaku dan secara jelas B sudah mencapai had memiliki syahwat walaupun B masih di peringkat umur kanak-kanak pada kebiasaananya, maka wudhu kedua-duanya (A dan B) batal dan tetap batal sekalipun tidak bersyahwat semasa persentuhan berlaku.

3) Jika persentuhan kulit berlaku dan tidak jelas (di luar pengetahuan) adakah B sudah mencapai had memiliki syahwat, maka wudhu kedua-duanya (A dan B) tidak batal kerana wudhu tidak batal jika merasa syahwat atau ragu sama ada perempuan atau lelaki berkenaan masih dikira kanak-kanak yang belum bersyahwat atau sebaliknya.

Perkara ini tertakluk kepada keyakinan seseorang. Keyakinan adalah disyaratkan dalam perkara ini. Dalam erti kata lain, wudhu tidak batal jika dihadiri rasa syahwat atau ragu adakah seseorang yang dengan kita bersentuhan itu adalah dikira kanak-kanak ataupun sebaliknya.

Untuk memudahkan, berikut adalah perkara yang perlu diambil perhatian sebagai sukat-sukat dalam menilai seorang kanak-kanak itu menurut pandangan syara'.

Siapakah Yang Dimaksudkan Dengan Kanak-Kanak?

Secara amnya, menurut istilah para fuqaha, kanak-kanak itu ialah seseorang yang belum baligh. Baligh bermaksud kanak-kanak yang sudah cukup umur, iaitu apabila umurnya sudah mencapai 15 tahun ataupun kanak-kanak lelaki bermimpi sehingga keluar air mani, manakala kanak-kanak perempuan telah keluar haid dalam jangka umur antara 9 hingga 15 tahun.

Dari keterangan di atas, peringkat kanak-kanak itu ialah dari semenjak lahir sehingga mencapai peringkat baligh.

Terdapat dua peringkat akan dialami oleh setiap kanak-kanak normal iaitu:

1) **Peringkat Belum Mumaiyiz:** Bermula dari sejak kelahiran sehingga kanak-kanak itu mencapai umur mumaiyiz. Secara kebiasaananya kanak-kanak yang belum mumaiyiz ini berusia tidak lebih dari 7 tahun.

2) **Peringkat Mumaiyiz:** Bermula dari sejak kanak-kanak itu berkemampuan untuk membezakan di antara sesuatu dengan sesuatu yang lain, dapat membezakan antara sesuatu yang bermanfaat dan yang memudaraskan.

Peringkat kanak-kanak yang mencapai tahap mumaiyiz tiada had umur yang tertentu tetapi berpandukan pada kebolehannya dalam menentukan setiap perbuatan yang hendak dilakukannya. Berakhir peringkat ini apabila mencapai tahap baligh.

Dari sudut lagi, kanak-kanak itu ialah yang menurut kebiasaan umum tidak ada kemungkinan syahwat, lawan kepada dewasa iaitu orang yang telah mencapai had memiliki syahwat.

Apa Yang Dimaksudkan Dengan Syahwat?

Syahwat ialah perasaan atau naluri semulajadi yang ingin atau cenderung terhadap sesuatu dan sebahagian besarnya adalah perasaan atau naluri yang ingin atau cenderung kepada kelazatan. Adapun syahwat yang dimaksudkan dalam konteks membatalkan wudhu ini adalah yang dinamakan syahwat *jinsiyyah* iaitu gelora hati dan perasaan yang suka atau ingin terhadap kaum lawan jenis yang juga kadang-kadang bercampur baur dengan rasa keinginan sehingga boleh membangkitkan rangsangan fizikal apabila memandang atau memegang sesuatu.

Di dalam kitab I'anah ath-Thalibin disebutkan bahawa sukat-sukat syahwat bagi seorang lelaki adalah dengan adanya rangsangan fizikal pada anggota tertentu manakala bagi seorang perempuan adalah dengan kecenderungan hati atau berkeinginan terhadap lelaki.

Batalkah Wudhu Jika Bersentuhan Dengan Kanak-Kanak Bukan Islam?

IRSYAD HUKUM

جایات مفیہ کل جان
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

BILANGAN 436

Salah satu perkara membatalkan wudhu ialah bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dengan tidak berlapik. Sebaliknya wudhu tidak batal jika persentuhan kulit berlaku antara sesama jenis, sesama khuntsa, khuntsa dengan lelaki atau khuntsa dengan perempuan sama ada mereka Islam atau bukan Islam.

Demikian juga halnya dengan yang melibatkan kanak-kanak bukan Islam. Hukum lelaki dewasa dan perempuan dewasa bersentuhan dengan kanak-kanak bukan Islam adalah sama juga dengan kanak-kanak Islam dalam perkara wudhu ini sebagaimana menurut pendapat para ulama fiqh.

Berdasarkan keterangan di atas, apa yang dapat difahami, tiada had umur tertentu bagi menentukan kanak-kanak yang batal dan yang tidak batal wudhu apabila bersentuhan dengannya. Tetapi memadai dengan berpandukan pada keyakinan dan pengetahuan seseorang dalam menilainya serta dengan berpandukan kepada 'urf atau kebiasaan sesuatu tempat dan masyarakat. Wudhu tidak batal jika menyentuh atau tersentuh kulit bayi atau kanak-kanak yang pada zahirnya tidak ada kemungkinan syahwat dan tidak menimbulkan syahwat.

Namun perlu diingat, wudhu akan tetap batal jika menyentuh atau tersentuh kemaluan walaupun kemaluan bayi atau kanak-kanak kerana menyentuh atau tersentuh kemaluan dengan jari atau bahagian dalam tangan (tapak tangan) yang tidak berlapik sama ada sengaja atau tidak sengaja juga merupakan antara perkara yang membatalkan wudhu.

Selain itu, wudhu ahli keluarga angkat juga akan batal jika bersentuhan dengan anak angkat bukan susuan kepada ibu angkat apabila anak tersebut sudah mencapai tahap memiliki syahwat kerana kedudukan hubungan anak angkat dengan keluarga angkat tetap tidak berubah seperti asalnya. Dia tetap dianggap orang asing dalam lingkungan keluarga angkatnya kecuali jika ada pertalian mahram atau setelah disusukan oleh ibu angkatnya dengan mengikut dan memenuhi syarat penyusuan yang ditetapkan syara'.

WALLAHU'ALAM



DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM

SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI DANA TAHUN 2012 - 2013



Abiskita boleh membuat sumbangan derma dengan cara yang paling mudah, iaitu melalui

**SMS Brunei Prihatin Bagi
DANA Tahun 2012 - 2013 ini
dibuka mulai 27 Nov 2012
hingga 31 Jan 2013**

SMS BRUNEI PRIHATIN BAGI DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM

dengan menaip sms:

DANA1

Taip "dana1"
untuk B\$1

DANA5

Taip "dana5"
untuk B\$5

DANA10

Taip "dana10"
untuk B\$10

DANA15

Taip "dana15"
untuk B\$15

DANA20

Taip "dana20"
untuk B\$20

DST
THE FUTURE. NOW.
Hantarkan
38111

Untuk DSTCom

b.mobile
Hantarkan
38111

Untuk b.mobile

Projek SMS Brunei Prihatin Bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ini diungkayah bersama oleh:



SEMOGA SUMBANGAN IKHLAS ABISKITA AKAN MENCERIAKAN MASA DEPAN ANAK-ANAK YATIM DI NEGARA INI.

**PENGGAL-PENGGAL PERSEKOLAHAN DAN HARI-HARI KELEPASAN AWAM BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 2013 MASIHI / 1434 & 1435 HIJRAH**

BULAN/HARI	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K							
JANUARI Safar / Rabiulawal								1 18	2 19	3 20	4 21	5 22	6 23	7 24	8 25	9 26	10 27	11 28	12 29	13 1	14 2	15 3	16 4	17 5	18 6	19 7	20 8	21 9	22 10	23 11	24 12	25 13	26 14	27 15	28 16	29 17	30 18	31 19
FEBRUARI Rabiulawal / Rabiulakhir				1 20	2 21	3 22	4 23	5 24	6 25	7 26	8 27	9 28	10 29	11 30	12 1	13 2	14 3	15 4	16 5	17 6	18 7	19 8	20 9	21 10	22 11	23 12	24 13	25 14	26 15	27 16	28 17							
MAC Rabiulakhir / Jamadilawal				1 18	2 19	3 20	4 21	5 22	6 23	7 24	8 25	9 26	10 27	11 28	12 1	13 2	14 3	15 4	16 5	17 6	18 7	19 8	20 9	21 10	22 11	23 12	24 13	25 14	26 15	27 16	28 17	29 18	30 19					
APRIL Jamadilawal / Jamadilakhir							1 20	2 21	3 22	4 23	5 24	6 25	7 26	8 27	9 28	10 29	11 30	12 1	13 2	14 3	15 4	16 5	17 6	18 7	19 8	20 9	21 10	22 11	23 12	24 13	25 14	26 15	27 16	28 17	29 18	30 19		
MEI Jamadilakhir / Rejab	1 20	2 21	3 22	4 23	5 24	6 25	7 26	8 27	9 28	10 29	11 1	12 2	13 3	14 4	15 5	16 6	17 7	18 8	19 9	20 10	21 11	22 12	23 13	24 14	25 15	26 16	27 17	28 18	29 19	30 20	31 21							
JUN Rejab / Sya'ban				1 22	2 23	3 24	4 25	5 26	6 27	7 28	8 29	9 30	10 1	11 2	12 3	13 4	14 5	15 6	16 7	17 8	18 9	19 10	20 11	21 12	22 13	23 14	24 15	25 16	26 17	27 18	28 19	29 20	30 21					
JULAI Sya'ban / Ramadhan						1 22	2 23	3 24	4 25	5 26	6 27	7 28	8 29	9 30	10 1	11 2	12 3	13 4	14 5	15 6	16 7	17 8	18 9	19 10	20 11	21 12	22 13	23 14	24 15	25 16	26 17	27 18	28 19	29 20	30 21			
Ogos Ramadhan / Syawal	1 23	2 24	3 25	4 26	5 27	6 28	7 29	8 1	9 2	10 3	11 4	12 5	13 6	14 7	15 8	16 9	17 10	18 11	19 12	20 13	21 14	22 15	23 16	24 17	25 18	26 19	27 20	28 21	29 22	30 23	31 24							
SEPTEMBER Syawal / Zulkaedah				1 25	2 26	3 27	4 28	5 29	6 30	7 1	8 2	9 3	10 4	11 5	12 6	13 7	14 8	15 9	16 10	17 11	18 12	19 13	20 14	21 15	22 16	23 17	24 18	25 19	26 20	27 21	28 22	29 23	30 24					
OKTOBER Zulkaedah / Zulhijjah	1 25	2 26	3 27	4 28	5 29	6 1	7 2	8 3	9 4	10 5	11 6	12 7	13 8	14 9	15 10	16 11	17 12	18 13	19 14	20 15	21 16	22 17	23 18	24 19	25 20	26 21	27 22	28 23	29 24									
NOVEMBER Zulhijjah / Muhamarram				1 27	2 28	3 29	4 30	5 1	6 2	7 3	8 4	9 5	10 6	11 7	12 8	13 9	14 10	15 11	16 12	17 13	18 14	19 15	20 16	21 17	22 18	23 19	24 20	25 21	26 22	27 23	28 24	29 25	30 26					
DISEMBER Muhamarram / Safar						1 27	2 28	3 29	4 1	5 2	6 3	7 4	8 5	9 6	10 7	11 8	12 9	13 10	14 11	15 12	16 13	17 14	18 15	19 16	20 17	21 18	22 19	23 20	24 21	25 22	26 23	27 24	28 25	29 26	30 27	31 28		

PENGGAL-PENGGAL PERSEKOLAHAN

PENGGAL I	- Mulai hari Rabu 02 Januari hingga hari Sabtu 09 Mac 2013 bersamaan 19 Safar hingga 26 Rabiulakhir 1434	45 hari
PENGGAL II	- Mulai hari Sabtu 23 Mac hingga hari Khamis 13 Jun 2013 bersamaan 11 Jamadilawal hingga 04 Sya'ban 1434	58 hari
PENGGAL III	- Mulai hari Isnin 24 Jun hingga hari Khamis 01 Ogos 2013 bersamaan 15 Sya'ban hingga 23 Ramadhan 1434 dan hari Sabtu 17 Ogos hingga 07 Zulhijjah 1434	26 hari
PENGGAL IV	- Mulai hari Sabtu 19 Oktober hingga hari Sabtu 30 November 2013 bersamaan 14 Zulhijjah 1434 hingga 26 Muhamarram 1435	30 hari

CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN

PENGGAL I	- Mulai hari Ahad 10 Mac hingga hari Jumaat 22 Mac 2013 bersamaan 27 Rabiulakhir hingga 10 Jamadilawal 1434	**13 hari**

<tbl_r cells="3" ix="


IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 26 DISEMBER 2012. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 09 JANUARI 2013. BILANGAN IKLAN: 55 / 12 / 12 (SPA/BMI)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- d) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. PEREKA TINGKAT I
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Seni Reka / Seni Lukis / Seni Halus / Reka Bentuk Grafik / Reka Bentuk Dalaman / Multimedia atau bidang bersesuaian.

b) **TANGGAGAJI B.2**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Seni Reka / Seni Lukis / Seni Halus / Reka Bentuk Grafik / Reka Bentuk Dalaman / Multimedia atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Perek Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan / atau seni lukis.

2. PENGAWAS KENDERAAN TINGKAT I
JABATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Kenderaan atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pengawas Operator Kenderaan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan bidang pengurusan kenderaan dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- d) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABD) atau Pasukan Polis Diraja Brunei dan berpangkat sekurang-kurangnya Pegawai Waran II atau Sarjan tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang pentadbiran pemeliharaan kenderaan.

2. Pemohon adalah terdiri dari LELAKI sahaja.

3. PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH KADI
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

